

D594

B B632 DEB
PAIRIN - FORMULA
(I)

KUALA LUMPUR, 30 MAC (BERNAMA) -- KETUA MENTERI SABAH DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN BERKATA DI SINI MALAM INI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TELAH TIDAK SECARA KHUSUS MENYEBUT SOAL KERAJAAN CAMPURAN ANTARA PBS, BERJAYA DAN USNO SEBAGAI JALAN MENYELESAIKAN KERESAHAN POLITIK DI SABAH SEKARANG.

SEBALIKNYA, KATA BELIAU KEPADA PEMBERITA SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR BAHAWA PERDANA MENTERI HANYA MENYEBUT KEMUNGKINAN KERJASAMA DI KALANGAN TIGA PARTI BERKENAAN.

+SEMASA DI KOTA KINABALU, PERDANA MENTERI TIDAK ADA SECARA KHUSUS MENYEBUT KERAJAAN CAMPURAN SEBALIKNYA BERCAKAP MENGENAI KERJASAMA,+ KATA DATUK PAIRIN, PRESIDEN PARTI BERSATU SABAH (PBS).

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA IDEA ASAL FORMULA +DAMAI+ ANJURAN UMNO IALAH KERJASAMA SELEPAS PILIHANRAYA NEGERI YANG DIJADUALKAN SEBELUM 26 MEI. DEWAN UNDANGAN NEGERI TELAH DIBUBARKAN PADA 26 FEB SELEPAS KRISIS POLITIK SABAH BERLARUTAN.

+KAMI TIDAK SEJENAKPUN MENYELEWENG DARIPADA HASRAT ASAL UNTUK BEKERJASAMA (SELEPAS PILIHANRAYA),+ TEGAS BELIAU. -- LAGI.
2236MST 30 03 86

D597

B B634 DEB
PAIRIN - FORMULA 2 KUALA LUMPUR
(I)

DATUK PAIRIN BERKATA TIDAK PERLU DIADAKAN PERBINCANGAN, SIKAP BERTOLAK ANSUR DAN HASRAT IKHLAS UNTUK BEKERJASAMA MEMBAWA PELBAGAI ERTI TERMASUK DARI SEGI PEMBENTUKAN KERAJAAN CAMPURAN.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA PBS MENDAPAT MAJORITI ATAU MAJORITI DUA PERTIGA DI DEWAN NEGERI, PARTI ITU MASIH MENIMBANG BEKERJASAMA DENGAN PARTI-PARTI LAIN DI SABAH.

MENGENAI FORMULA ITU SENDIRI, DATUK PAIRIN BERKATA PBS PADA DASARNYA MENYETUJUINYA.

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA FORMULA ITU PADA DASARNYA TIDAK MAHU PILIHANRAYA NEGERI DILANGSUNGKAN, BELIAU BERKATA: +DALAM HATI SAYA SEBAGAI SEORANG PEGUAM SAYA TAHU IANYA ADALAH SATU PERKARA YANG SUKAR HENDAK DIPERTIMBANGKAN (MEMBATALKAN PEMBUBARAN DEWAN NEGERI).+

+PADA DASARNYA SAYA (TELAH) SETUJU TETAPI PERKARA ITU MESTI DIBAWA KE MAJLIS TERTINGGI (PBS) UNTUK DIPUTUSKAN SECARA MUKTAMAD,+ UJARNYA. -- LAGI.

2249MST 30 03 86

D600

B 8635 DEB

PAIRIN - FORMULA 3 KUALA LUMPUR

(I)

DATUK PAIRIN BERKATA BELIAU SENDIRI TIDAK BERKUASA MEMBUAT SEBARANG KEPUTUSAN MENGENAI FORMULA ITU.

BELIAU JUGA MENYATAKAN BAHAWA PEGUAM NEGARA TELAH MENASIHATI SUPAYA MENGELAKKAN SEBARANG TINDAKAN MEMBATALKAN PEMBUBARAN.

BELIAU BERKATA BANYAK PERKARA LAIN TURUT DIBINCANGKAN ANTARA ROMBONGAN PBS DIKETUAI OLEH TIMBALAN KETUA MENTERI SABAH DAN NAIB PRESIDEN PBS, ENCIK MARK KODING DENGAN SETIAUSAHA AGUNG BN ENCIK GHAFAR BABA YANG BUKAN MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA FORMULA ASAL.

KETUA MENTERI SABAH BERKATA PILIHANRAYA NEGERI AKAN DIADAKAN SEBAGAIMANA MENURUT PERLEMBAGAAN. -- LAGI.

2257MST 30 03 86

D604

B 8636 DEB

PAIRIN - FORMULA 4 KUALA LUMPUR

(I)

DATUK PAIRIN BERKATA BELIAU AKAN MENYERAHKAN SEPUCUK SURAT YANG MENJELASKAN KEDUDUKAN PBS BERTURUT DENGAN FORMULA ITU BILA BELIAU MENEMUI DATUK SERI DR MAHATHIR YANG MENURUT BELIAU +NAMPAKNYA SUDAH DISAHKAN.+

+DENGAN SURAT ITU, PARA PEMIMPIN BN AKAN MENGETAHUI APA YANG AKAN KAMI KEMUKAKAN. ISU ITU (MENYELESAIKAN KERESAHAN) TIDAK HARUS DILAKUKAN TERGESA-GESA.+

MENGENAI PEMBATALAN UPACARA MENANDATANGANI PERSEFAHAMAN DI KALANGAN TIGA PARTI ITU YANG DIJADUALKAN DI SINI SABTU LALU, BELIAU MENDAKWA PARTINYA TIDAK DIBERITAHU MENGENAI SEBARANG UPACARA MENANDATANGANI PERJANJIAN.

BELIAU BERKATA BILA ENCIK GHAFAR MENELEFONYA JUMAAT LALU, BELIAU KETIKA ITU SEDANG BERMESYUARAT DENGAN PARA ANGGOTA LAIN MAJLIS TERTINGGI PBS. -- BERNAMA.

2309MST 30 03 86